SALAM KEMERDEKAAN KE-69 & SELAMAT HARI MALAYSIA KE-63

eBuletin JSKM

EDISI KHAS KEMERDEKAAN 2026

"Merdeka bukan sekadar bebas dari penjajah, tetapi semangat untuk terus membina bangsa yang berani, maju, dan bersatu."

MALAYSIA MADANI
Kesejahteraan Dinikmati

eISSN 2637-0077

69

Isi Kandungan

01 Malaysia Rumah Kita

02 Pengjhayatan Merdeka: Di Mata Warisan dan Generasi Muda

05 Malaysia di Meja Makan: Apabila Makanan Menyatukan Kita

08 Membaca Data, Membina Negara

11 Merdeka daripada “Nanti”

13 Warisan Pusaka Merdeka-69

14 Kita Belum Merdeka

15 Semangat Kemerdekaan dan Jatidiri sebagai Pensyarah Akademik

18 Merdeka yang Sebenarnya

21 Merdeka Mode: On

23 Kebangsaan Malaysia.....

24 Hati Merdeka

25 Alunan Merdeka Dalam Wajah Berbeza

27 Menelusuri Erti Kemerdekaan Menerusi Layar Perak

32 Bicara Penuh Makna

33 Merdeka daripada Ketakutan terhadap Matematik

36 Jalur Gemilang

37 Pantun Kemerdekaan 2026

38 Pantun Prinsip Rukun Negara

39 Merdeka! Merdeka! Merdeka!

40 Setia Jalur Gemilang Demi Pasak Yang Lima

42 Unzip Sejarah Kita!

Semangat Kemerdekaan dan Jatidiri sebagai Pensyarah Akademik

OLEH: SYARUL HEIRY BIN YAHAYA

Menjelang sambutan Hari Kebangsaan yang ke 69 tahun 2026, erti kemerdekaan bagi rakyat Malaysia terus berevolusi seiring dengan kepesatan era digital. Tema kemerdekaan pada tahun ini ialah "Malaysia Madani: Kesejahteraan Dinikmati". Bagi kita yang bergelar pendidik, khususnya di institusi pengajian tinggi, kemerdekaan bukan sekadar sorakan pembebasan daripada penjajah yang diulang pada setiap 31 Ogos. Ia merupakan satu kesinambungan perjuangan yang tidak pernah bernoktah dan perjuangan kita juga adalah untuk memerdekakan minda bangsa.

Sebagai seorang pensyarah dalam bidang akademik khususnya bidang statistik, satu disiplin yang berteraskan kejituan fakta dan logik, saya sering berfikir secara mendalam bagaimana nilai kemerdekaan ini membentuk jatidiri kita di dewan kuliah pengajaran dan juga di makmal komputer.

MEMERDEKAKAN MINDA MELALUI LITERASI DATA

Kita kini berada pada tahun 2026, era yang dipacu dengan begitu pantas oleh kecerdasan buatan (Artificial Intelligence,AI) dan lambakan maklumat digital (Big Data). Dalam konteks ini, kemerdekaan kognitif adalah benteng pertahanan utama negara. Sebagai pensyarah statistik, tanggungjawab kita melangkaui sekadar mengajar formula matematik atau cara menggunakan perisian penganalisisan data; kita sebenarnya adalah pembentuk pemikiran kritis.

Ilmu statistik melatih generasi muda untuk menapis, menilai, dan menganalisis kesahihan data. Ini adalah kemahiran kelangsungan hidup (survival skill) yang memerdekakan mereka daripada menjadi mangsa manipulasi maklumat palsu, fitnah, atau kempen sentimen yang direka untuk memecahbelahkan keharmonian masyarakat. Dengan menerapkan kemahiran membuat keputusan berasaskan bukti (evidence-based decision making), kita sedang memupuk barisan warganegara yang rasional, objektif, dan berani berdiri teguh di atas paksi kebenaran.

CABARAN PELAJAR MASA KINI: KEBEBASAN VS KEBERGANTUNGAN TEKNOLOGI

Melalui pemerhatian saya terhadap trend mahasiswa sejak kebelakangan ini, terdapat satu paradoks yang membimbangkan. Generasi pelajar hari ini sangat celik teknologi dan pantas menyerap inovasi. Namun, kemudahan seperti penjana AI dan perisian statistik automatik sering kali membuatkan mereka mengambil jalan pintas. Mereka mahukan jawapan yang pantas tanpa benar-benar memahami konsep dan proses yang berlaku di sebalik tabir data tersebut.

Di sinilah jatidiri kita sebagai pendidik diuji. Kita perlu menyedarkan mereka bahawa kebergantungan secara membuta tuli kepada teknologi adalah satu bentuk "penjajahan moden" terhadap minda. Kemerdekaan akademik yang sebenar bermaksud mereka menguasai teknologi, bukan dikuasai olehnya.

Pelajar akademik bukan sahaja dalam bidang statistik harus dididik untuk mempersoalkan anomali data, memahami andaian di sebalik setiap ujian hipotesis, dan mempunyai keyakinan untuk mencabar hasil algoritma jika ia tidak masuk akal. Membimbing mereka melepasi zon selesa ini adalah cara kita memerdekakan intelektual mereka.

INTEGRITI: TERAS PATRIOTISME AHLI AKADEMIK

Jatidiri seorang ahli akademik yang merdeka juga terletak pada integritinya. Patriotisme dalam dunia penyelidikan dan akademik tidak semestinya diukur melalui kibaran bendera atau laungan keramat di dataran. Ia diukur melalui ketelusan dan kejujuran yang diamalkan setiap kali kita menerbitkan data dan dapatan kajian.

Sebagai ahli akademik, kita membawa amanah untuk melakukan penyelidikan yang menyelesaikan masalah sebenar yang melibatkan masyarakat dan negara, dia bukannya sekadar mengejar Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicator), kenaikan pangkat, atau penarafan peribadi. Menerbitkan data yang dimanipulasi (data dredging) atau bersikap tidak jujur dalam penulisan adalah satu pengkhianatan terhadap kebebasan akademik. Integriti dalam melaporkan kebenaran statistik, walaupun kebenaran itu pahit untuk diterima, adalah manifestasi cinta yang paling tinggi terhadap negara.

MEMBINA MODAL INSAN BERPAKSIKAN ACUAN SENDIRI

Akhir sekali, dewan kuliah dan bilik tutorial adalah "medan juang" bagi seorang pensyarah. Musuh yang kita tentang pada hari ini bukanlah tentera bersenjata, tetapi kejahilan, kemunduran, dan sikap mudah berpuas hati. Pemerkasaan jatidiri bermaksud kita menyedari bahawa setiap set data yang dibincangkan, setiap baris kod perisian yang diajar, dan setiap nasihat yang diberikan sedang membentuk barisan penganalisis, saintis data, dan pemimpin Malaysia untuk masa hadapan.

Kita sedang membina keupayaan negara (capacity building) supaya pada masa hadapan, Malaysia mempunyai pakarnya yang tersendiri yang mampu meramal ekonomi, merangka dasar kesihatan, dan merancang pembangunan tanpa perlu lagi bergantung sepenuhnya kepada perunding luar. Kita mahu melahirkan graduan yang acuan pemikirannya bertaraf global, namun jiwanya kekal mengakar kuat di bumi Malaysia.

Sebagai kesimpulannya, semangat kemerdekaan bagi seorang pensyarah akademik adalah komitmen yang tidak berbelah bahagi terhadap pencarian kebenaran, integriti ilmu, dan pembinaan karakter pelajar. Kemerdekaan minda yang kita terapkan hari ini di dewan-dewan kuliah adalah jaminan mutlak kepada kedaulatan, kelestarian, dan kemajuan Malaysia pada hari esok. **Merdeka!**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh
Kampus Bertam

Unit Penerbitan e-Buletin
Jabatan Sains Komputer dan Matematik
UiTM Cawangan Pulau Pinang
Pulau Pinang

eISSN 2637-0077